

WAR TA SAWIT

Jangan lepaskan peluang memenangi RM 100... Sertai Kuiz Sawit SEKARANG!!!

Boleh didapati on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit>

Naskah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Bil. 66 (2)/Mei-Ogos 2017



*Minyak Sawit
Malaysia,
Kebanggaan dan
Pencapaian
Kita*



Lembaga Minyak Sawit Malaysia • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 www.mpob.gov.my

Sidang Penerbit

PENASIHAT
Dr Ahmad Kushairi Din

PENGERUSI
Hj Mohamad Nor Abdul Rahman

TIMBALAN PENGERUSI
Dr Ramle Moslim

KETUA PENYUNTING
Hj Khairuman Hashim

PENYUNTING
Dr Norman Kamarudin
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Hj Zulkifli Abd Manaf
Raja Zulkifli Raja Omar
Ruba'ah Masri
Noor Asmawati Abd Samad
M Ayatollah K Ab Rahman

SETIAUSAHA
Zaki Aman

KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Mandatori MSPO	4
● Kenalilah... Spesifikasi Kandang Kambing	6
● Sudut Teknologi - Proses Penghasilan Biji Benih DxP	10
● Kuiz Sawit	13
● Sudut Kreatif Sawit	16
● Sedutan Akhbar	17
● Tahukah Anda?	19
● Sembang Sawit	21
● Berita Bergambar	22
● Diari & Peristiwa	25
● Sudut Ekonomi	28
● Usahawan Sawit Jaya	30
● Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit	32
● Direktori MPOB	33
● Senarai Tapak Semaian yang Mempunyai Sijil Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN)	37

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang mengemaskini dasar dan aspirasi organisasi agar ia selari dengan kehendak program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 19 Januari 2017. TN50 merupakan satu inisiatif pembangunan negara bermula dari tahun 2020 hingga 2050. Menuju ke arah tersebut, MPOB menghasilkan strategi serampang tiga mata dan kini sedang mengemaskini Halatuju TN50 untuk menentukan arah pembangunan industri sawit negara menjelang tahun 2050. Strategi penyelidikan MPOB melibatkan tiga perkara utama iaitu Pendapatan Tinggi, Buangan Sifar dan Tambah Nilai. Ketiga-tiga elemen ini menjadi tunggak kepada Visi dan Misi MPOB. Visi MPOB pula adalah untuk menjadi institusi penyelidikan dan pembangunan bertaraf Nobel Laureate serta menyediakan kepimpinan dan dorongan bagi perkembangan industri minyak sawit yang merangkumi kepelbagaian produk, nilai tambah

yang tinggi, berdaya saing global dan mampan. Misi MPOB adalah untuk memacu kemakmuran industri minyak sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang bertujuan meningkatkan produktiviti sawit dan sosio ekonomi negara khususnya sektor pekebun kecil sawit. Untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), bidang fokus strategik meliputi peningkatan produktiviti sawit, automasi dan mekanisasi, pengawalan penyakit dan perosak, kemampanan, alam sekitar dan mengawal kempen anti minyak sawit, minyak sawit sebagai minyak premium, penggunaan biojisim, pembangunan pekebun kecil, tenaga boleh diperbaharui, sektor hiliran untuk makanan, fitonutrien dan makanan haiwan, kajian gambut, teknologi pengilangan dan penapisan dan sektor hiliran untuk oleokimia.

Industri sawit telah mencatat sejarah dengan sambutan 100 tahun penanaman sawit secara komersial di negara ini. Sambutan kegemilangan industri sawit negara diadakan di tapak bermulanya penanaman sawit secara komersial yang pertama bertempat di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor. Sawit mula diperkenalkan

sebagai tanaman hiasan, yakin dengan potensi sawit, Henri Fauconnier telah merintis usaha memulakan penanaman secara komersial. Tanaman ini terbukti merupakan pilihan tepat dan kini sawit merupakan tanaman paling produktif yang menghasilkan minyak bagi memenuhi keperluan makanan dunia.

Dalam jangka masa 100 tahun, industri sawit telah melalui perubahan dinamik daripada penanaman kepada pengilangan dan pemprosesan yang menghasilkan kepelbagaian produk berasaskan sawit. Kemajuan penyelidikan yang diterajui MPOB telah menyumbang kepada kemajuan industri sawit negara yang menjadi antara pengeluar dan pengeksport utama produk sawit dunia. Minyak sawit dan produk keluarannya digunakan secara meluas dalam aplikasi makanan dan bukan makanan.

Bagi menjana kemajuan industri sawit, MPOB akan meneruskan usaha mencapai lebih banyak kecemerlangan dan mengukuhkan hala tuju melalui penyelidikan dan kawal selia bagi pembangunan mampan, berdaya saing dan dinamik seiring perkembangan di peringkat global. Ke arah kegemilangan berpanjangan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjana teknologi serta inovasi akan terus diberi tumpuan khusus oleh MPOB.

Antara cabaran yang ditempuh industri sawit sepanjang 100 tahun ini adalah mengenai penggunaan tanah pertanian secara cekap, produktiviti, tenaga buruh, isu pemakanan dan kemampanan. Kerajaan dengan sokongan dan kerjasama pihak industri telah berjaya

menangani cabaran dengan baik. Semua pihak dalam industri perlu mempertingkatkan kualiti minyak sawit.

Kerajaan menyediakan banyak dana untuk pihak industri bekerjasama meningkatkan kualiti minyak sawit. Dana akan diberikan sebagai geran bagi penyelidikan saintifik peningkatan kualiti minyak sawit. Industri sawit terutama di sektor hulu memerlukan tenaga kerja mahir untuk kekal bersaing dengan sektor lain. Penggunaan jentera dikenal pasti sebagai strategi penting untuk meningkatkan produktiviti pekerja. Kerajaan turut menyediakan Dana Mekanisasi Ladang Sawit dengan dana awal berjumlah RM 30 juta bagi memudahkan penyelidikan bagi menghasilkan inovasi jentera perladangan sawit. Inisiatif ini juga diharapkan dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing di ladang sawit. Pelbagai asas dalam memperkasakan industri sawit melalui R&D bertaraf dunia, teknik pertanian yang mampan dan berinovasi disertai komitmen tinggi dan tanggungjawab kerajaan bagi kemajuan masyarakat dan negara. Minyak sawit Malaysia ternyata mengubah dunia. Sokongan dan kerjasama semua pihak terutama penggiat industri membantu memakmurkan dan memperkasakan industri sawit wajar diraikan bersama.



Sumbangan: Hj Khairuman Hashim
(khairuma@mpob.gov.my)

Sudut Renungan



Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti) dan Dia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya). Tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Surah Luqman: 29)

MANDATORI MSPO

Setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pihak industri sawit, akhirnya kerajaan telah membuat keputusan untuk mewajibkan pelaksanaan skim pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) pada 31 Disember 2019. Perkara ini telah diumumkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong di sidang akhbar pada 24 Februari 2017.

Skim pensijilan MSPO ini pada mulanya telah diumumkan pelaksanaannya secara sukarela bermula pada 1 Januari 2015. Skim pensijilan ini diwujudkan bagi memantau keberkesanan pelaksanaan keperluan dan kehendak yang terkandung dalam piawaian MSPO. Piawaian MSPO telah dibangunkan sebelumnya oleh MPOB dengan kerjasama ahli-ahli industri sawit dan telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 19 November 2013.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan yang lemah oleh industri sawit Malaysia telah memaksa kerajaan untuk mempertimbangkan semula perkara ini agar dapat dirancarkan selari dengan permintaan pasaran minyak sawit dunia. Sehubungan dengan itu, seluruh pihak pengeluar minyak sawit di Malaysia yang merangkumi sektor pengilangan, perladangan dan pekebun kecil mestilah dipersijilkan dengan skim pensijilan MSPO sebelum atau pada 31 Disember 2019.

Pelaksanaan skim pensijilan MSPO secara mandatori ini akan dilaksanakan melalui tiga fasa. Fasa pertama pada 31 Disember 2018 untuk premis ladang dan kilang yang mempunyai pensijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO). Fasa kedua adalah pada 30 Jun 2019 untuk premis ladang dan kilang yang tidak mempunyai pensijilan RSPO. Manakala fasa ketiga pula adalah pada 31 Disember 2019 untuk pekebun kecil.

Tujuan utama pelaksanaan skim pensijilan MSPO ini adalah untuk meningkatkan penghasilan minyak sawit mampan dari Malaysia. Industri sawit Malaysia sangat bergantung kepada pasaran eksport dunia. Negara Kesatuan Eropah (EU), India dan China merupakan pengimport terbesar minyak sawit

Malaysia. Isu kemampanan yang ditimbulkan baru-baru ini oleh EU yang mengaitkan minyak sawit dengan penebangan hutan secara berleluasa sedikit sebanyak telah menjejaskan permintaan minyak sawit Malaysia di pasaran dunia.

Hal ini telah meningkatkan tekanan kepada negara pengeluar minyak sawit dunia untuk menghasilkan minyak sawit mampan melalui pelaksanaan skim pensijilan kemampanan. Justeru, pelaksanaan skim ini adalah sebagai salah satu langkah proaktif bagi penjenamaan semula minyak sawit Malaysia agar dapat meningkatkan daya saing di pasaran minyak dan lemak dunia. MSPO menitikberatkan aspek berkaitan komitmen pihak pengurusan industri sawit dalam melaksanakan kehendak kemampanan. Selain itu, pihak pengurusan sawit juga dikehendaki untuk sentiasa memantau segala aktiviti agar dapat memastikan pematuhan terhadap undang-undang berkaitan perladangan dan pengilangan sawit. Segala aktiviti urus niaga berkaitan sawit mestilah dijalankan dengan telus dan adil.

Pihak pengurusan industri sawit juga digalakkan untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat setempat merangkumi tanggungjawab sosial dan korporat. Semua aktiviti penyelenggaraan ladang dan pengilangan sawit mestilah menitikberatkan aspek kesihatan dan keselamatan pekerjaan, perlindungan alam sekitar dan pelaksanaan amalan-amalan baik seperti Amalan Pertanian Baik (GAP), Kod Amalan Pertanian Baik (CoGAP) dan Kod Amalan Pengilangan Baik (CoPM). Pematuhan terhadap aspek-aspek ini adalah perlu bagi memastikan seluruh industri sawit Malaysia dapat dipersijilkan dengan pensijilan kemampanan MSPO.

Sehingga kini, sebanyak 221 575 ha kawasan tanaman sawit telah mendapat pensijilan MSPO manakala 929 081 ha kawasan tanaman sawit telah dipersijilkan dengan skim pensijilan RSPO. Bagi pekebun kecil sawit persendirian (PKP), pihak MPOB dipertanggungjawabkan untuk membantu mereka dalam melaksanakan skim pensijilan ini. Bantuan yang diberikan adalah khidmat nasihat teknikal, latihan, pembiayaan kos pengauditan pensijilan, pembiayaan peralatan perlindungan diri dan pembiayaan rak

simpanan bahan kimia. Sehingga 31 Jun 2017, terdapat seramai 241 752 orang PKP di Malaysia yang menguruskan tanaman sawit berkeluasan 958 388 ha, iaitu 16.3% daripada keseluruhan tanaman sawit di Malaysia yang seluas 5.74 juta ha dan jumlah ini dijangka akan meningkat setiap tahun.

Bagi memudahkan sistem penyeliaan, semua PKP telah dikelompokkan dalam kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) mengikut kawasan tanaman di seluruh Malaysia dan diselia oleh Pegawai TUNAS Kawasan MPOB (PTK). Pekebun kecil persendirian disaran untuk merujuk pejabat cawangan MPOB berhampiran untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sistem kelompok ini. Skim pensijilan MSPO merupakan satu langkah yang proaktif bagi meletakkan industri sawit Malaysia lebih maju ke hadapan berbanding negara pengeluar minyak sawit negara lain.

Justeru, pihak industri sawit Malaysia adalah diseru agar menyahut seruan kerajaan ini dengan melaksanakan skim pensijilan MSPO di premis mereka supaya dapat memberi manfaat kepada negara demi kesejahteraan industri sawit Malaysia.



Juruaudit MSPO menyemak dokumen MSPO di SPOC Kinabatangan, Sabah.



Juruaudit MSPO melakukan lawatan ke kebun milik pekebun kecil di SPOC Kuala Langat, Selangor.



Pendaftaran Peserta Program Taklimat MSPO, SPOC Kuala Kangsar, Perak di Dewan Orang Ramai Kg Ulu Piol, Kuala Kangsar, Perak.



Peserta Program Taklimat MSPO untuk Pekebun Kecil Persendirian SPOC Kuala Kangsar, Perak di Dewan Orang Ramai Kg Ulu Piol, Kuala Kangsar, Perak.

RUJUKAN

THE STAR (2017). *MSPO mandatory by 2019*. 25 Februari 2017. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2017/02/25/mspo-certification-mandatory-by-2019-govt-aims-for-sustainable-oil-palm-industry/>

MPOCC (2017). *Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC)*. <http://www.mpocc.org.my/>

RSPO (2017). *Certified Growers*. <http://www.rspo.org/certification/certified-growers>

NEWS STRAITS TIMES (2017). *Gov't assures implementation of MSPO certification practical, financial aid for smallholders'*. 24 Februari 2017. <http://www.nst.com.my/news/2017/02/215108/govt-assures-implementation-mspo-certification-practical-financial-aid>



Sumbangan:
Mohd Shahrin Rahami
(mohd.shahrin@mpob.gov.my)

KENALILAH... SPESIFIKASI KANDANG KAMBING

Fungsi Kandang

Pembinaan kandang menjadi keperluan dalam pemeliharaan kambing di negara ini. Kandang dibina bertujuan untuk memudahkan pengawasan, penjagaan, rawatan, pembiakan dan pengawalan kambing, di samping melindunginya daripada cuaca buruk, pemangsa dan kecurian. Keadaan iklim semulajadi negara ini dengan suhu dan kelembapan yang tinggi pada siang hari ditambah dengan taburan hujan lebat sepanjang tahun yang akan menjejaskan kesihatan ternakan.


Pemilihan Kawasan

Kawasan yang dipilih juga perlu tidak terlalu redup bagi memastikan ternakan dan persekitaran sentiasa kering dan bersih. Lokasi kandang yang sesuai adalah kawasan yang tidak terdedah kepada risiko kecurian, bencana alam seperti banjir, kawasan pembiakan vektor penyakit terutama kawasan takungan air dan mempunyai logistik yang baik seperti jalan, bekalan elektrik dan air bersih.


Reka Bentuk Kandang

Kandang kambing perlu berlantai atas sama ada dari kayu, galvani atau bahan lain yang tidak licin. Ketinggian lantai dan bumbung kandang dari paras tanah adalah 1.5 m dan 5.0 m (*Rajah 1 dan 2*).

Lantai kandang kambing tidak boleh terlalu rendah (*Rajah 3*) atau hanya berlantai simen (*Rajah 4*) kerana keadaan lantai yang basah, lembab dan kotor boleh menyebabkan masalah jangkitan ternakan seperti masalah kecacingan *coccidiosis* dan *pneumonia* atau jangkitan radang perparu (Zainal, 2014). Kandang kambing perlu sentiasa kering dan bersih.



Rajah 1. Pandangan sisi kandang kambing.



Rajah 2. Pandangan hadapan kandang kambing.



Rajah 3. Lantai kandang terlalu rendah.



Rajah 4. Kandang berlantai simen.

Secara amnya, kandang kambing perlu dibina memanjang utara-selatan supaya mendapat cahaya matahari yang mencukupi pada sebelah pagi dan petang. Bagi kandang dengan kelebaran

lebih 6 m, bumbung bertingkat (*Rajah 5*) adalah baik untuk pengudaraan dan kurang daripada saiz tersebut bumbung berbentuk A (*Rajah 6*) adalah memadai.




Rajah 5. Bumbung bertingkat.



Rajah 6. Bumbung berbentuk A.

Susun Atur Dalaman Kandang

Saiz kandang ditentukan berdasarkan bilangan populasi yang akan ditenak. Keperluan ruang bagi seekor kambing dewasa Boer adalah antara 1-2 m² (Musaddin, 2008). Kandang kambing perlu dibahagikan kepada beberapa petak untuk membezakan kambing mengikut keperluan keadaan status fisiologi dan umur ternakan. Ternakan diasing berdasarkan kumpulan pejantan, pembiakan, bunting, anak cerai susu jantan, anak cerai susu betina, induk pejantan, induk betina dan ternakan yang sakit atau lemah. Pengasingan adalah perlu bagi memudahkan pengurusan terutamanya untuk pengurusan makanan dan pembiakan (Zainal, 2010). *Rajah 7* menunjukkan contoh lakaran pelan kandang yang sesuai bagi permulaan 20 ekor induk kambing dewasa.



Rajah 7. Lakaran pelan kandang kambing.

Lantai Kandang

Lantai kandang sesuai dibina dengan menggunakan kayu keras atau masak bersaiz 2 x 1 inci dengan jarak antara kayu beroti adalah 2.0 cm (*Rajah 8*) untuk petak dewasa manakala



Rajah 8. Lantai kandang untuk dewasa.

untuk petak anak berjarak 1.5 cm (*Rajah 9*). Susunan kayu lantai yang terlalu rapat akan menyebabkan tinja dan urin berkumpul di atas kandang (*Rajah 10*). Keadaan ini tidak baik untuk kesihatan ternakan.



Rajah 9. Lantai kandang untuk anak.



Rajah 10. Lantai kandang terlalu rapat.

Permukaan tanah di bawah kandang sebaiknya disimen dalam keadaan bercerun bagi memudahkan pengurusan tinja ternakan, longkang dipasang di hujung simen bagi memudahkan aliran air. Keadaan ini mengelakkan urin berlebihan yang boleh menyebabkan ternakan terdedah kepada gas ammonia dan menyebabkan ternakan mengalami tekanan.

Dinding Kandang

Tinggi dinding kandang sekurang-kurangnya 1.2 m dari aras lantai kandang. Dinding boleh dibina secara menegak atau melintang mengikut kesesuaian (Rajah 11). Namun ia perlu melebihi tinggi kambing yang bakal berada di petak tersebut (Rajah 12). Saiz bukaan palung makanan sekurang-kurangnya 30 cm untuk memudahkan kambing mendapat makanan.

Palung Makanan

Palung makanan perlu diletakkan di bahagian luar petak supaya makanan tidak dicemari tinja dan urin kambing. Minimum lebar palung ialah 20 cm dengan kedalaman 20-30 cm. Palung dipasang pada aras bahu kambing dewasa atau 0.5 m dari aras lantai. Contoh palung makanan seperti dalam Rajah 13-15.



Rajah 11. Dinding mendatar.




Rajah 12. Ketinggian dinding lebih tinggi kambing.



Rajah 13. Palung makanan daripada kayu.



Rajah 14. Palung makanan daripada PVC.



Rajah 15. Palung makanan daripada ketuli tahan karat.



Rajah 16. Lorong laluan tengah kandang.



Rajah 17. Lorong laluan tepi.

Kandang kambing yang baik mempunyai lorong laluan di tengah dan sisi untuk memudahkan pergerakan kambing dan pengurusan makanannya. Cadangan luas laluan ini adalah di antara 1.0 - 1.5 m.

Bekalan Air Bersih

Bekalan air bersih adalah penting terutamanya untuk minuman ternakan. Tangki simpanan air disediakan bagi kegunaan ketika bekalan air terputus (Rajah 18). Bekas minuman boleh



Rajah 18. Tangki simpanan air.

menggunakan baldi (Rajah 19) atau terus menggunakan nipple-drinker (Rajah 20). Jika menggunakan baldi, air perlu kerap ditukar untuk memastikan air sentiasa bersih. Jika menggunakan nipple-drinker perlu dipasang corong khas bagi mengelakkan air membasahi lantai. Ini akan merosakkan lantai kayu dan lantai yang sentiasa lembap adalah tidak baik untuk ternakan.



Rajah 19. Bekas minuman.



Rajah 20. Nipple drinker.



Rajah 21. Rumah kompos.



Rajah 22. Pagar perimeter kandang.

Kemudahan lain

Kemudahan lain yang diperlukan adalah bangsal memproses tinja dan pagar perimeter. Keluasan bangsal yang sesuai ialah 3 m x 1.2 m x 1.5 m bagi kapasiti ternakan 50 ekor induk (Rajah 21). Pagar perimeter (Rajah 22) di sekeliling kandang adalah perlu untuk tujuan keselamatan dan biosekuriti pembiakan ternakan.

RUJUKAN

MD ZAINAL RASYIDI MAT RODI; KAMIL AZMI TOHIRAN dan RAJA ZULKIFLI RAJA OMAR (2014). Integration of Dairy Goat in Oil Palm. Laporan VIVA 659/2014. MPOB, Bangi, Selangor.

MD ZAINAL RASYIDI MAT RODI (2010). Integrasi Sawit Pemacu Kesejahteraan Sawit. Integrasi Kambing Susu. MPOB, Bangi, Selangor. p. 110-115.

MUSADDIN KAMARUDDIN (2008). Manual Teknologi Pengeluaran Kambing Pedaging di Malaysia. MARDI. 69-75.



Sumbangan:
Dr Md Zainal Rasyidi
(zainal.rasyidi@mpob.gov.my)

SUDUT TEKNOLOGI

PROSES PENGHASILAN BIJI BENIH DxP

ABSTRAK

Penggunaan biji benih DxP berkualiti adalah faktor permulaan yang penting dalam industri sawit. Di samping itu, faktor pengurusan dan amalan agronomi yang baik turut menyumbang kepada penghasilan buah tandan segar (BTS) dan hasil minyak yang tinggi. Biji benih DxP perlu diperolehi daripada pengeluar biji benih yang sah. Piawai Malaysia (MS157) yang dikeluarkan Jabatan Piawai Malaysia dijadikan panduan oleh pengeluar biji benih di Malaysia dalam pemilihan pokok induk bagi penghasilan biji benih DxP. Ini penting agar agensi pengeluar biji benih di Malaysia menghasilkan bahan tanaman DxP yang berkualiti. Piawai tersebut telah dikemas kini sebanyak empat kali dan edisi terkini (MS157:2017) telah diterbitkan pada 2017.

AKTIVITI PENGHASILAN BIJI BENIH DxP

Penghasilan biji benih DxP melibatkan tiga aktiviti utama iaitu:

1. Membungkus jambak bunga jantan dan pengumpulan debunga
2. Membungkus jambak bunga betina dan pendebungaan terkawal
3. Pemprosesan biji benih

AKTIVITI MEMBUNGKUS JAMBAK BUNGA JANTAN DAN PENGUMPULAN DEBUNGA

Jambak bunga jantan dari pokok *pisifera* dipilih 5-7 hari sebelum ia mengorak. Jambak bunga tersebut dibersihkan terlebih dahulu daripada seludang yang melitupinya. Sesudah itu, ia disemur racun serangga untuk membunuh serangga dan formalin untuk membunuh debunga asing. Jambak bunga kemudian dibungkus dengan beg pendebunga. Jambak bunga diambil tujuh hari kemudian dan dibawa ke makmal untuk pemprosesan. Debunga disimpan di dalam bekas kedap udara dan dimasukkan ke dalam peti sejuk pada suhu -5°C .

AKTIVITI MEMBUNGKUS JAMBAK BUNGA BETINA DAN PENDEBUNGAAN TERKAWAL

Jambak bunga betina dari jenis pokok *dura* dipilih 5-7 hari sebelum mengorak dan dibungkus dengan beg pendebunga. Jambak bunga betina sedia untuk dikacukkan dengan debunga dari pokok *pisifera* dalam tempoh 36 sehingga 48 jam sesudah mengorak. Debunga *pisifera* yang



1. Jambak bunga betina yang sudah dibungkus.



2. Pembukaan beg pembungkus dan pelabelan tandan.

Rajah 2. Proses membungkus jambak bunga betina bagi proses pendebungaan terkawal.



1. Pembersihan jambak bunga jantan



2. Pembungkusan jambak bunga jantan.



3. Jambak bunga jantan yang sudah siap dibungkus.



4. Pemprosesan jambak bunga jantan di makmal.



5. Pengambilan debunga.



6. Jambak bunga jantan.



7. Penyimpanan debunga dalam peti sejuk.



8. Ujian kesuburan.

Rajah 1. Proses membungkus jambak bunga jantan bagi pengumpulan debunga.

dicampur bedak pada nisbah 1:10 disembur ke dalam beg pembungkus dan digoncang untuk memastikan debunga tersebar dengan baik. Beg pembungkus boleh dibuka sebulan sesudah kacukan. Tandan tersebut boleh dituai lima bulan sesudah kacukan.

AKTIVITI PEMROSESAN BIJI BENIH

Tandan dibawa ke makmal untuk diproses di mana spikelet dipisahkan daripada tangkai menggunakan kapak. Spikelet diperam selama 3-5 hari untuk memudahkan pemisahan buah daripada spikelet. Buah normal diasing



Rajah 3. Aktiviti pemprosesan biji cambah.

daripada buah partenokarpik iaitu buah yang tiada biji. Mesokarp buah normal dipisah dari biji secara mekanikal dengan bantuan mesin. Biji yang terhasil dicuci dengan detergen untuk membuang minyak diikuti rendaman dalam larutan anti kulat. Biji basah dikeringkan pada suhu bilik, dikira dan diperiksa untuk kerosakan sebelum disimpan pada suhu 18°C-20°C untuk simpanan 6 bulan-1 tahun.

Untuk tujuan percambahan, biji dikeluarkan dan disimpan di bilik panas pada suhu 39°C-40°C selama 40-60 hari untuk memecahkan kedormanan. Setelah itu, direndam dalam air selama 3-4 hari untuk meningkatkan kandungan kelembapan. Kemudian disimpan dalam beg politena dan diletak di atas rak pada suhu bilik 25°C-35°C. Semburan air suling untuk mencegah pengeringan dilakukan secara

berkala. Biji mula bercambah bermula 7-10 hari dan berterusan selama dua minggu. Pemilihan biji cambah pertama dibuat sesudah 10-14 hari dan pemilihan seterusnya setiap 5-6 hari. Kadar percambahan biasanya di antara 70%-90%. Benih cambah dibungkus di dalam beg. Setiap beg mengandungi 200-500 biji. Pada peringkat awal, biji yang besar mempunyai lebih banyak endosperm. Justeru, pertumbuhan diperingkat awal mungkin berbeza antara biji kecil dan besar. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan pertumbuhan setelah biji ditanam dan membesar di ladang.



Rajah 4. Aktiviti pemprosesan biji cambah.

PENGELUAR BIJI CAMBAH BERLESEN DI MALAYSIA

Untuk memelihara kualiti bahan tanaman, agensi pengeluar biji komersial adalah tertakluk kepada Piawai Malaysia (MS157) iaitu spesifikasi untuk biji bagi tujuan tanaman komersial. Sehingga kini, spesifikasi tersebut telah dikemas kini sebanyak empat kali. Spesifikasi terbaru adalah MS157: 2017 Kemaskini Keempat.

SUMBER BAHAN TANAMAN YANG BERKUALITI

Pengusaha ladang perlu mendapatkan sumber bahan tanaman dari pengeluar biji benih atau pengusaha tapak semaian yang bertauliah yang mendapat lesen dari MPOB. Mereka

Bil.	Pengeluar Biji Sawit Berlesen di Malaysia	Negeri	Daerah
1	EPA Management Sdn Bhd	Johor	Kota Tinggi
2	Felcra Plantation Services Sdn Bhd	Johor	Kluang
3	Felda Agricultural Services Sdn Bhd	Johor	Johor Bahru
4	Pamol Plantations Sdn Bhd	Johor	Kluang
5	Pertubuhan Peladang Negeri Johor	Johor	Kluang
6	Sasaran Ehsan Utama Sdn Bhd	Johor	Segamat
7	Sime Darby Seeds & Agricultural Services Sdn Bhd	Johor	Kluang
8	Felda Agricultural Services Sdn Bhd	Pahang	Jerantut
9	Nalfin Planting Material Sdn Bhd	Perak	Hilir Perak
10	United Plantations Berhad	Perak	Hilir Perak
11	Applied Agricultural Resources Sdn Bhd	Sabah	Tawau
12	Borneo Samudera Sdn Bhd	Sabah	Tawau
13	Felda Agricultural Services Sdn Bhd	Sabah	Lahad Datu
14	IJM Plantations Berhad	Sabah	Labuk/Sugut
15	Pamol Estates (Sabah) Sdn Bhd	Sabah	Labuk/Sugut
16	Sime Darby Seeds & Agricultural Services Sdn Bhd	Sabah	Tawau
17	Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun	Sabah	Sandakan
18	Sarawak Plantation Agriculture Sdn Bhd	Sarawak	Miri
19	Sime Darby Seeds & Agricultural Services Sdn Bhd	Selangor	Kuala Langat
20	RISDA Semaian dan Landskap Sdn Bhd	Terengganu	Dungun
21	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	Johor	Kluang

tidak digalakkan membeli daripada sumber yang diragui walaupun harga yang ditawarkan mungkin lebih murah daripada harga pasaran. Di samping itu, anak-anak benih yang tumbuh di bawah pokok juga tidak digalakkan untuk dikutip dan dijadikan sebagai bahan tanaman kerana akan memberi hasil BTS yang rendah. Sekiranya perkara ini dilakukan juga, pengusaha ladang tersebut akan menanggung kerugian sepanjang jangka hayat ekonomik 25 tahun tanaman sawit tersebut.

RUJUKAN

KUSHAIRI, A; RAJANAIDU, N dan MOHD DIN, A (2016). Nota Kursus *Intensive Diploma in Oil Palm Management and Technology (IDOPMT). Oil Palm Breeding*. MPOB, Bangi, Selangor. ms: 60-91.

MPOB (2016). Nota Kursus *Diploma in Palm Oil Milling and Management (DIPOM). The Oil Palm Part 1*. MPOB, Bangi, Selangor. 1-33.

AHMAD KUSHAIRI DIN (2004). *Perusahaan Sawit di Malaysia - Satu Panduan*. Bab 5: *Pengeluaran Bahan Tanaman*. MPOB, Bangi, Selangor. ms: 46-60.



Sumbangan:
 Dr Mohd Din Amiruddin
 (mohddin@mpob.gov.my)

????????? **Kuiz Sawit** ????????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 OKTOBER 2017**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
melalui Aplikasi WhatsApp 017-821 9693
ATAU fakskan ke 03-8920 2932
ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my*

WHATSAPP
SEKARANG !!!

017-821 9693

PENGHANTARAN
BORANG PENILAIAN
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP.

JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP

SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL.66 (2)/ MEI-OGOS 2017.

SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 66 (2)/ MEI-OGOS 2017

1. Apakah piawaian terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Piawai Malaysia (SIRIM) untuk penghasilan biji benih DxP.
 - a. MS157
 - b. MS157:1988
 - c. MS157:2005
 - d. MS157:2017
2. Dari pokok manakah jambak bunga jantan diambil semasa aktiviti penghasilan biji benih DxP dijalankan.
 - a. Pokok jenis *pisifera*
 - b. Pokok jenis *dura*
 - c. Pokok jenis *tenera*
 - d. Pokok jenis sawit

3. Jambak bunga betina sedia untuk dikacukkan _____
 - a. dalam tempoh 5-7 hari sebelum mengorak
 - b. yang bercampur bedak pada bila-bila masa
 - c. dalam tempoh 36 sehingga 48 jam sesudah mengorak
 - d. sejurus setelah selesai aktiviti membungkus

4. Tarikh akhir untuk pekebun kecil mendapatkan skim pensijilan MSPO seperti yang diumumkan oleh kerajaan ialah:
 - a. 1 Januari 2015
 - b. 31 Disember 2018
 - c. 30 Jun 2019
 - d. 31 Disember 2019

5. Berapakah hasil sawit yang diperoleh Syarikat Zainal Sawit Enterprise pada 2015?
 - a. 6000 tan
 - b. 8000 tan
 - c. 7000 tan
 - d. 9000 tan

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 65 (1)/ JANUARI-APRIL 2017

1. c
2. c
3. b
4. c
5. 1917, Ladang Tennamaram

NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT BIL. 65 (1)/ JANUARI-APRIL 2017

1. Alzrai Sharif b. Zahid (*Seremban, Negeri Sembilan*)
2. Md. Hassan b. Ibrahim (*Muar, Johor*)
3. Khairul Anuar b. Norman (*Alor Gajah, Melaka*)

BORANG PENILAIAN **WARTA SAWIT**

Sila tandakan penilaian anda berkenaan *Warta Sawit* ini mengikut skala di bawah. MPOB menghargai pandangan dan komen anda untuk menambah baik *Warta Sawit* pada masa akan datang.

Skala:

1 – Rendah 2 – Sederhana 3 – Baik 4 – Memuaskan 5 – Cemerlang

Penilaian							Komen (Jika ada)
1	Kandungan <i>Warta Sawit</i> mudah difahami	1	2	3	4	5	
2	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> merupakan maklumat terkini dalam industri sawit negara	1	2	3	4	5	
3	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> membantu dalam menguruskan penanaman sawit	1	2	3	4	5	
4	Berikan skor untuk <i>Warta Sawit</i> keluaran ini	1	2	3	4	5	

5. Bagaimana anda mendapat *Warta Sawit* ini?

- Pegawai TUNAS MPOB Portal MPOB
 Pejabat TUNAS MPOB Lain-lain, nyatakan _____
 Seminar/Kursus anjuran MPOB _____

6. Berikan idea anda untuk menambah baik *Warta Sawit* ini.

7. Adakah anda ingin MPOB mengirимkan *Warta Sawit* ini kepada anda? Jika YA, nyatakan alamat anda untuk penghantaran.

8. Adakah Direktori yang disertakan berguna atau tidak?

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa anda untuk memberikan penilaian dan pandangan.

Untuk mengembalikan jawapan anda, sila ikuti tertib berikut:

1. Ambil gambar borang penilaian ini menggunakan telefon pintar anda, dan
2. Hantar gambar tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* ke 017-8219 693

MPOB sangat menghargai sumbangan anda.

WHATSAPP
SEKARANG !!!

017-821 9693

PENGHANTARAN
BORANG PENILAIAN
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP.



NASI LEMAK SANTAN SAWIT



Bahan untuk nasi

- 2 cawan beras – basuh dan tos
- 1 helai daun pandan
- 1 sudu teh garam
- 1-2 inci halia – hiris
- 1 cawan santan sawit
- 1 ½ cawan air

Bahan Sambal Tumis

- 120 gram ikan bilis - basuh dan tos
- 3-4 biji bawang besar
- 3 biji bawang putih
- 150 gram cili kering
- 1 sudu teh pes asam jawa
- 1 sudu garam
- 3 sudu besar gula pasir
- ½ cawan minyak sawit

} dikisar

Cara Penyediaan

1. Masukkan beras, air, santan sawit, garam, daun pandan dan hirisan halia ke dalam periuk masak nasi elektrik. Biarkan sehingga masak.
2. Panaskan minyak sawit dan tumiskan bahan yang dikisar sehingga cili dan bawang benar-benar masak dan garing dengan api perlahan.
3. Setelah garing, masukkan sedikit gula dan kacau rata. Apabila warna sambal bertukar menjadi merah, masukkan air asam jawa dan ikan bilis.



Resipi disumbangkan oleh:

Umi Kalthum Ismail

Unit Integrasi Tanaman dan Ternakan, IRED

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB. Sila hantar ke alamat:

Sudut Kreatif Warta Sawit

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

u/p: Unit Khidmat Pengembangan,

Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Emel: aniz@mpob.gov.my

WhatsApp: 017-821 9693

SEDUTAN AKHBAR

SEKAT PENGHALANG MINYAK SAWIT – PM Utusan Malaysia, 19 Mei 2017

KUALA SELANGOR - Malaysia mungkin melaksanakan tindak balas ke atas mana-mana negara yang cuba menyekat perkembangan industri minyak sawit tempatan melalui dakwaan yang tidak berdasar.

Demikian ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak susulan daripada tindakan negara tertentu termasuk Kesatuan Eropah (EU) yang baru-baru ini mengusulkan satu resolusi untuk menghalang penggunaan bahan api bio yang berasaskan sawit menjelang 2020 kerana pembangunan tanaman itu dikatakan dilakukan secara tidak mampan, mencemarkan alam sekitar dan sebagainya.

Menurut Perdana Menteri, langkah tindak balas itu katanya merupakan antara perkara yang telah dibincangkannya dengan Presiden Indonesia, Joko Widodo memandangkan republik itu juga merupakan pengeluar minyak sawit utama dunia semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Manila, Filipina baru-baru ini.

“Dalam perbincangan itu, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju kedua-dua negara melalui Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) mengadakan pertemuan dengan negara-negara terbabit seperti EU untuk meyakinkan apa yang mereka lakukan (halangan) dan dakwaan itu tidak berdasar sama sekali.

“Kita mesti beritahu mereka bahawa Malaysia dan Indonesia bukan negara yang tidak ada kemampuan. Kita beli banyak produk mereka dan sesiapa yang memboikot industri minyak sawit mungkin akan berdepan dengan tindak balas daripada Malaysia dan Indonesia,” katanya.

Beliau berucap semasa merasmikan Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara di sini.

MSPO JAMIN INDUSTRI SAWIT NEGARA MAMPAN, MESRA ALAM - PM Astro Awani, 18 Mei 2017

KUALA SELANGOR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memperkenalkan Skim Pensijilan Mampan Malaysia (MSPO) sebagai langkah proaktif memastikan kelestarian industri sawit negara.

Katanya, ia bertepatan dalam mendepani pelbagai cabaran dan persepsi negatif yang mampu menggugat keutuhan industri.

“Beberapa NGO mengaitkan kononnya pembangunan tanaman sawit tidak mampan, mencemarkan alam sekitar dan sebagainya.

“MSPO ini yang dibangunkan sejak 2015 selaras dengan undang-undang dan peraturan semasa negara dan pengurusan penanaman sawit melalui amalan pertanian terbaik,” katanya ketika berucap merasmikan Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata pelaksanaannya secara mandatori bermula 31 Disember 2019 akan menjaga kepentingan industri sawit dan eksport kita ke negara maju.

Pada masa sama, ia juga bagi membuktikan kepada pihak luar, khususnya Kesatuan Eropah (EU), bahawa dakwaan mereka terhadap industri sawit negara adalah salah dan tidak berdasar.

PERUNTUKAN TAMBAHAN RM 510 JUTA UNTUK PEKEBUN KECIL KELAPA SAWIT – NAJIB Malaysia Gazette, 18 Mei 2017

KUALA SELANGOR - Datuk Seri Najib Razak hari ini mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM 510 juta kepada pekebun kecil sawit sebagai penghargaan kerajaan terhadap sumbangan industri perladangan tersebut yang sudah berusia 100 tahun.

Perdana Menteri berkata, peruntukan tambahan tersebut diumumkan setelah mengambilkira sumbangan pembangunan industri sawit kepada negara sejak ia mula diusahakan pada 1917.

“Makanya, mengambilkira sumbangan besar pekebun kecil kepada pembangunan industri ini, makanya pada petang yang berbahagia ini di hadapan lebih lima ribu orang hadirin dengan ini saya sukacitanya mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM 510 juta untuk Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil,” kata Najib semasa menghadiri majlis Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Negara di Ladang Tennamaram, di sini.

Najib berharap dengan peruntukan tambahan tersebut ia akan dapat membantu meringankan beban pekebun di samping dapat memastikan pengeluaran sawit negara mampu memenuhi permintaan pasaran.

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA CADANG PENGGUNA GUNA SANTAN SAWIT Bernama Online, 2 Julai 2017

JASIN - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mencadangkan pengguna di negara ini beralih kepada penggunaan santan sawit sebagai alternatif dalam mengurangkan kebergantungan kepada santan kelapa, selain meningkatkan penggunaan bahan mentah sawit.

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, secara amnya kebanyakan masakan di negara ini dan rantau Asia berasaskan santan kelapa serta kekurangan bekalan kelapa sentiasa berlaku apabila ia tidak diurus dengan baik.

Beliau yang juga ahli Parlimen Jasin berkata, MPOB sentiasa melaksanakan pelbagai penyelidikan dan percubaan secara berterusan menggunakan santan sawit bagi menghasilkan makanan, termasuk dodol, cendol, nasi lemak dan beberapa makanan lain menggunakan santan kelapa.

"Inisiatif ini dilaksanakan bukan untuk kita menghentikan kebergantungan terhadap buah kelapa, terutama santan kelapa sepenuhnya yang digunakan sejak dahulu lagi, tetapi untuk mempelbagaikan pilihan kepada pengguna.

EKSPORT INDUSTRI SAWIT LEBIH RM 70 B TAHUN INI Berita Harian, 4 Julai 2017

BANGI - Eksport minyak sawit dan produk minyak sawit Malaysia tahun ini dijangka lebih RM 70 bilion berbanding RM 67 bilion pada 2016, dengan Eropah, India dan China kekal menjadi tiga negara pengimport teratas.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, pengeluaran minyak sawit juga dijangka meningkat kepada 19.5 juta tan tahun ini berbanding 17.6 juta pada 2016.

"Selain Eropah, India dan China, Malaysia sedang berusaha untuk mencari pasaran berpotensi di ASEAN seperti Filipina, yang mengimport kira-kira RM 1 bilion minyak sawit dan juga Asia Barat.

"Dengan saingan daripada kacang soya dalam pasaran tradisional kekal sebagai cabaran besar, kerajaan perlu meningkatkan usaha pemasaran ke arah menjamin permintaan untuk minyak sawit akan terus kukuh," katanya.

Siew Keong juga mengumumkan MPOB akan menganjurkan edisi ke-23 Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi pada 11 Julai bagi melancarkan teknologi dan perkhidmatan baharu untuk industri minyak sawit dan untuk usahawan tempatan mengkomersialkannya.

INSENTIF GALAK PEKEBUN KECIL DAPATKAN MSPO Utusan Malaysia, 27 Julai 2017

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan mengumumkan pemberian insentif kepada pekebun kecil bagi menggalakkan mereka mendapatkan perakuan Skim Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, pengumuman tersebut akan dibuat pada minggu depan selepas kata putus dicapai oleh semua pihak yang berkaitan.

"Saya menerima makluman bahawa ramai pekebun kecil melahirkan kebimbangan mereka mengenai kos untuk mendapatkan perakuan MSPO, sekali gus menjadi punca mengapa bilangan mereka yang mempunyai sijil tersebut adalah kecil berbanding peladang-peladang besar.

"Sehubungan itu, kerajaan membuat keputusan untuk memberikan insentif kewangan kepada pekebun kecil bagi menggalakkan mereka mendapatkan MSPO," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Syiling Peringatan sempena Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Negara di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Lee Yeow Chor dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Muhammad Ibrahim.

MSPO yang diperkenalkan pada tahun lalu bertujuan meningkatkan kebolehpasaran produk peladang-peladang sawit di negara ini.

TEROKA SEKTOR BIO-AKTIF SAWIT DENGAN MELUAS Berita Harian, 31 Julai 2017

PUTRAJAYA - Kerajaan akan meneroka sektor bio-aktif sawit dengan lebih meluas, berdasarkan potensi besar sektor itu meningkatkan lagi daya saing industri minyak sawit tempatan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, kajian menunjukkan produk yang dihasilkan di bawah sektor itu seperti berasaskan tocotrienols dan karotenoid terbukti baik untuk kesihatan, dan semakin mendapat perhatian.

"Walaupun sektor ini boleh disifatkan sebagai baharu, namun hasil pengeluaran tocotrienols saja sudah mencecah RM 70 juta, sekali gus membuktikan sektor ini berkembang dengan begitu pesat.

"Tocotrienols membawa banyak kesan baik seperti memberi kesan anti kanser, bahan anti oksidan dan pelindung daripada kesan radiasi. Semua ini adalah perkembangan yang amat baik bagi membantu menanda aras industri minyak sawit Malaysia pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucap tawar pada Persidangan 'Nutra-Cosmeceutical' Antarabangsa Sawit (PINC) 2017 di sini, hari ini. Seramai 250 peserta dari dalam dan luar negara menyertai persidangan dua hari itu yang membincangkan mengenai industri bio-aktif sawit.

Selain itu, Siew Keong berkata, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turut mempromosi minyak sawit merah yang kaya kandungan karotenoid kepada murid sekolah di China, India dan Afrika Selatan, dan ia terbukti mampu mengatasi masalah kekurangan vitamin A yang dihadapi murid.

TAHUKAH ANDA?

PRINSIP DAN KRITERIA PENSIJILAN MSPO UNTUK PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN



Bagi memastikan pekebun kecil persendirian di Malaysia menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang mampan, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperkenalkan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Pelaksanaan Skim Pensijilan MSPO bermula dengan rasminya pada 1 Januari 2015 secara sukarela. Walau bagaimanapun, baru-baru ini Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengumumkan pelaksanaan mandatori Pensijilan MSPO bagi pekebun kecil persendirian selewat-lewatnya pada 31 Disember 2019.

Piawaian MSPO bagi pekebun kecil persendirian mengandungi 7 Prinsip, 22 Kriteria dan 33 Indikator yang perlu dipatuhi sebelum pekebun kecil tersebut layak dianugerahkan dengan sijil MSPO. Tujuh Prinsip Utama MSPO adalah seperti berikut:



Piawaian MSPO bagi pekebun kecil persendirian.

Prinsip 1: Tanggungjawab dan Komitmen Pihak Pengurusan



Pihak pengurusan adalah merujuk kepada pengurus pekebun kecil persendirian yang melaksanakan Pensijilan MSPO secara berkelompok. Prinsip ini memerlukan pihak pengurusan pekebun kecil persendirian untuk mewujudkan polisi bagi pelaksanaan Pensijilan MSPO. Pelan tindakan penambahbaikan berterusan berdasarkan aspek persekitaran dan sosial serta peluang kepada pekebun kecil persendirian juga perlu diwujudkan. Selain itu, pihak pengurusan perlu memastikan pekebun kecil persendirian juga sedar dan faham akan kepentingan penambahbaikan berterusan.

Prinsip 2: Ketelusan



Pihak pengurusan pekebun kecil persendirian perlu memberikan komitmen dalam melaksanakan dan mengekalkan keperluan untuk proses kebolehejakan seperti menyimpan segala rekod berkaitan jualan, penghantaran atau pengangkutan buah tandan segar (BTS). Proses kebolehejakan adalah bertujuan untuk memastikan BTS yang dihasilkan dapat dikenal pasti sumber asalnya.

Prinsip 3: Pematuhan Terhadap Keperluan Undang-Undang





Di bawah prinsip ini, pihak pengurusan perlu memastikan pekebun kecil persendirian sedar dan mematuhi keperluan undang-undang, hak penggunaan tanah dan hak tanah adat. Pekebun kecil persendirian juga perlu menunjukkan hak pemilikan tanah dan bukti tiada sebarang pertikaian terhadap tanah mereka.

**Prinsip 4:
Tanggungjawab
Sosial, Kesehatan,
Keselamatan dan
Keadaan Pekerja**



Prinsip ini menekankan beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh pihak pengurusan dan pekebun kecil persendirian iaitu pengendalian sistem aduan dan rungutan yang telus, memastikan semua aktiviti di kebun sawit adalah selamat, pembayaran gaji pekerja yang adil seperti yang dijanjikan dan latihan yang berterusan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi pekebun kecil tersebut.

**Prinsip 5:
Alam Sekitar,
Sumber
Semulajadi,
Kepelbagaian Bio
dan Perkhidmatan
Ekosistem**



Pihak pengurusan pekebun kecil persendirian perlu mewujudkan pelan pengurusan bagi aspek persekitaran seperti menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui di kebun mereka. Selain itu, pihak pengurusan dan pekebun kecil

persendirian perlu memastikan bahan buangan yang terhasil dari kebun mereka seperti racun kimia berbahaya serta tong racun kosong dilupuskan mengikut keperluan perundangan. Amalan penuaian air bagi mengekalkan kualiti serta keadaan permukaan dan air tanah juga perlu dilaksanakan oleh pekebun kecil persendirian.

Pekebun kecil persendirian juga perlu tahu berkenaan tumbuhan, haiwan dan habitat yang dilindungi yang wujud di persekitaran kebun mereka serta keperluan pemuliharaannya berdasarkan syor agensi-agensi yang berkaitan. Pekebun kecil persendirian juga dilarang sama sekali mengamalkan pembakaran terbuka semasa proses penyediaan tanah untuk tanaman baru atau semula sawit, kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa yang berkaitan.

**Prinsip 6:
Amalan Baik**



Prinsip ini menekankan tentang pelaksanaan amalan baik seperti Kod Amalan MPOB, Standard Malaysia atau Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi operasi di kebun sawit oleh pekebun kecil persendirian. Selain daripada itu, papan tanda bagi kebun atau blok penanaman sawit, pelan pengurusan perniagaan dan bukti rundingan yang telus serta adil dalam menentukan harga urus niaga perlu diwujudkan oleh pihak pengurusan dan pekebun kecil persendirian.

**Prinsip 7:
Pembangunan
Tanaman Baru**



Pembangunan tanaman baru sawit bagi kawasan yang mempunyai kepelbagaian bio yang tinggi, tanah rapuh, bercerun tinggi dan kawasan bermasalah perlulah dielakkan oleh pekebun kecil persendirian kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa berkaitan. Sekiranya kawasan-kawasan ini dibangunkan untuk tanaman baru sawit, langkah-langkah perlindungan yang sesuai perlulah dilaksanakan seperti pembinaan teres atau penanaman tanaman penutup bumi bagi mengurangkan hakisan tanah dan masalah

larian air. Selain daripada itu, pekebun kecil persendirian juga perlu mendapatkan maklumat seperti jenis tanah, peta topografi dan kesesuaian tanah sebelum sesuatu pembangunan baru sawit itu dijalankan.


RUJUKAN

MALAYSIAN STANDARD (2013). MS2530-2:2013 *General Principles for Independent Smallholders.*



Sumbangan:
Nazira Khabibor Rahman,
(nazira@mpob.gov.my)

SEMBANG SAWIT



Sumbangan:
Oslan Omar

Eh Mail!!!!.. sekarang kita tak guna pengais lagi untuk kutip buah relai.

Kau pegi ke pejabat MPOB terdekat dan mohon "Skim OPIMIS"

Wahh!!!.. hebat la Dol. Kat mana kau beli mesin ni.

Aku pun nak beli juga la...

Skim Insentif Mekanisasi Industri (OPIMIS) adalah satu inisiatif kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran sawit negara dengan menawarkan insentif pembelian jentera perladangan. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan penggunaan jentera bagi aktiviti utama perladangan seperti penuaian, pemunggahan buah tandan segar, pembajaan dan penyelenggaraan ladang. Melalui OPIMIS pembelian jentera dan peralatan ladang akan mendapat pengurangan harga sehingga 20% tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sasaran insentif ini adalah agensi perladangan, pekebun kecil dan kontraktor ladang.

Berita Bergambar



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan setem 100 tahun sawit sempena Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Negara. Turut kelihatan YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tiga dari kanan) pada 18 Mei 2017 di Ladang Tannamaram, Bestari Jaya, Selangor.

Datuk Seri Ahmad Hamzah, Pengerusi MPOB bersalam dengan pekebun kecil yang menghadiri Seminar Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2017. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB pada 17 Mei 2017 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor.



Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB (kanan) bergambar kenangan selepas menanam klon sawit PS1 (Virescens) sempena Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Negara. Turut kelihatan adalah Dr Lim Weng Soon, Timbalan Ketua Pengarah R&D (kiri) dan Tn Hj Mohamad Nor Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) (dua dari kiri) pada 19 Mei 2017 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.

Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB menandatangani setem kenangan dan sampul surat hari pertama sempena Sambutan 100 Tahun Industri Sawit Negara yang dibeli oleh peminat setem pada 18 Mei 2017 di Pejabat Pos Kuala Lumpur, Malaysia.





YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) bergambar kenangan bersama tetamu dan Pengarah Bahagian MPOB sempena Majlis Sambutan Hari Raya MPOB 2017. Turut kelihatan Datuk Seri Ahmad Hamzah, Pengerusi MPOB (lima dari kanan) dan Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB (tujuh dari kiri) di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, pada 4 Julai 2017.


YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi memegang sampel keratan buah sawit semasa pameran Program Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) 2017. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB (tengah) di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, pada 11 Julai 2017.



Pekebun kecil persendirian SPOC Kuala Kangsar mendengar taklimat sempena Program Taklimat Pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) pada 13 Julai 2017 di Kuala Kangsar, Perak.



Ahli lembaga KPSM Semenanjung bergambar kenangan sempena program Program Mentor-Mentee Bersama Usahawan Sawit Jaya BTS (PEB MPOB) pada 13 Julai 2017 di Pusat Timbang Malizi Enterprise Pontian, Johor.



RealStrong®
AgriCulture Innovation

MPOB F4

Baja Bio-Kimia 3 dalam 1

dirumuskan khusus untuk kelapa sawit



Hasil Lebih dan Berkualiti

Baja Bio-Kimia RealStrong meningkatkan pengambilan nutrien untuk pertumbuhan optimum dan hasil yang berkualiti tinggi.

All Cosmos Industries Sdn Bhd
(487874-D)

Ibu Pejabat/Kilang 2
PLO 650, Jalan Keluli 7,
Pasir Gudang Industrial Estate,
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.
Tel: +607-252 3788
Fax: +607-251 2588 / +607-252 5298

Kilang Johor 1
PLO 442, Jalan Suasa,
Pasir Gudang Industrial Estate,
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia
Tel: +607-252 8066 Fax: +607-255 3904

Pejabat Kuala Lumpur
No. 42-2, Jalan PJU 5/11,
Dataran Sunway, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: +603-6141 6758 Fa x+603-6141 6548

Pejabat Indonesia
Ira Building, Jl. cactus Raya,
Blok J No. 1 Komp. Perumahan,
Taman Setia Budi Indah, Medan,
Sumatera Utara, Indonesia - 2013.
